

13 MAY 1997

Negara-Kerjasama

PROJEK BERNILAI RM11 BILION DIADAKAN DALAM IMT-GT

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Sebanyak 47 projek kerjasama bernilai RM11 bilion akan dijalankan oleh pihak swasta di Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ketiga-tiga negara berkenaan menandatangani memorandum persefahaman yang meliputi projek-projek pengangkutan, telekomunikasi, pelancongan, perindustrian, perdagangan, kewangan, tenaga, pertanian dan pembangunan sumber manusia.

Daripada jumlah itu, sebanyak 14 projek telah dilaksanakan dan selebihnya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan, katanya ketika menjawab soalan Senator Charern Intachat, pada persidangan Dewan Negara, di sini, hari ini .

Beliau berkata pelaksanaan projek-projek itu akan memberi kesan besar kepada pembangunan di kawasan IMT-GT.

Menurutnya penubuhan IMT-GT bertujuan menggembeleng pihak swasta supaya mengambil manfaat dan menerajui kerjasama pembangunan dan kegiatan ekonomi dalam kawasan pertumbuhan segitiga itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan pula akan bertindak sebagai fasilitator untuk memudahkan penglibatan pihak swasta bagi melaksanakan projek-projek kerjasama itu.

Semasa menjawab soalan tambahan Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman mengenai cadangan mengadakan kerjasama serupa antara negeri-negeri di Pantai Timur dengan Vietnam dan Kemboja, Dr Mahathir berkata kerajaan belum merancang berbuat demikian. -- BERNAMA

NZ NAK